



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KALI KE-63

AGENDA 7(b) –

Laporan Maklum Balas

Pihak Berkepentingan ISMS

oleh : En. Noor Mohamad Shakil Hameed
PKPU UPM

Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan

LAPORAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS



Perkara:



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

1. Laporan Soal Selidik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah semasa Minggu Pendaftaran Pelajar bagi Setengah Tahun Pertama 2025.
2. Laporan Soal Selidik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Penilaian Pengajaran Prasiswazah bagi Tempoh Januari Hingga Jun 2025, Sesi Akademik 2025/2025.

Laporan Soal Selidik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah semasa Minggu Pendaftaran Pelajar bagi Setengah Tahun Pertama 2025



Tujuan

untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran dalam kalangan pelajar baharu. Persepsi pelajar baharu yang juga merupakan pemegang taruh ini akan mencerminkan tahap ISMS dalam proses pendaftaran pelajar baharu di UPM.

Sasaran dan Kaedah Pengukuran

Sasaran 2025 = **80%**
Kaedah Pengukuran = **Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS**

Responden

Bil.	Semester	Tempoh Pendaftaran di PutraENROLL	Bilangan responden
1.	Semester Kedua 2024/2025	24 Februari – 28 Mac 2025	834
2.	Trimester Ketiga 2024/2025	17 Februari – 02 Mac 2025	134
3.	Sesi Pertama 2025/2026	01 Jun 2024 – 14 Jun 2024	140
JUMLAH			1108

OBJEKTIF KAJIAN:

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan
- (iv) Memenuhi keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS).



SOALAN SOAL SELIDIK:


Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

- (i) Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
- (ii) Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
- (iii) Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
- (iv) Saya yakin bahawa maklumat peribadi yang telah saya muat naik dalam PutraENROLL iGIMS dilindungi dengan baik.
- (v) Saya mendapati bahawa Sistem PutraENROLL boleh diakses sepanjang tempoh pendaftaran.
- (vi) Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.
- (vii) Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

DEMOGRAFI:

Serama 1,108 (84.46%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 1,239 pelajar baharu yang mendaftar secara dalam talian (*online*) pada tiga (3) kemasukan yang terlibat iaitu Semester Kedua 2024/2025, Trimester Ketiga 2024/2025 dan Sesi Pertama 2025/2026. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan 26 fakulti/institut/sekolah. Demografi responden adalah seperti rajah di bawah:


Rajah 1: Taburan Mengikut Jantina




Bil	Fakulti	Singkatan	Jumlah
1	Fakulti Pengajian Pendidikan	FPP	195
2	Fakulti Kejuruteraan	FK	138
3	Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat	FSKTM	83
4	Sekolah Perniagaan Dan Ekonomi	SPE	208
5	Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan	FPSK	198
6	Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi	FBMK	53
7	Fakulti Pertanian	FP	42
8	Fakulti Sains	FS	29
9	Fakulti Ekologi Manusia	FEM	24
10	Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar	FHAS	23
11	Fakulti Reka Bentuk Dan Senibina	FRSB	23
12	Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan	FSTM	16
13	Fakulti Perubatan Veterinar	FPV	10
14	Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan Dan Sains	FKPS	12
15	Institut Bioscience	IBS	8
16	Institut Pertanian Tropika Dan Keselamatan Makanan	ITAFOS	7
17	Fakulti Bioteknologi dan sains biomolekul	FBSB	7
18	Institut Penyelidikan Produk Halal	IPPH	5
19	Fakulti Sains Pertanian Dan Perhutanan	FSPH	5
20	Institut Penyelidikan Matematik	INSPEM	5
21	Institut Pengajian Perladangan	IKP	4
22	Institut Antarabangsa Akuakultur Dan Sains Akuatik	IAQUAS	4
23	Institut Perhutanan Tropika Dan Hasil Hutan	INTROP	3
24	Institut Pengajian Sains Sosial	IPSAS	3
25	Institut Nanosains Dan Nanoteknologi	ION2	2
26	Institut Penyelidikan Malaysia Mengenai Penuaan	IPPM	1
JUMLAH			1,108

ANALISIS KAJIAN:


Rajah 1: Soalan 1 (min 4.61)




Rajah 2: Soalan 2 (Min 4.56)




Rajah 3: Soalan 3 (Min 4.55)




Rajah 4: Soalan 4 (Min 4.55)



Rajah 5: Soalan 5 (Min 4.42)



Rajah 6: Soalan 6 (Min 4.38)



RUMUSAN HASIL KAJIAN



Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah semasa minggu pendaftaran pada tiga (3) kemasukan iaitu Semester Kedua 2024/2025, Trimester Ketiga 2024/2025 dan Sesi Pertama 2025/2026 dapat dirumuskan seperti berikut:

- Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini adalah sebanyak **84.46%**;
- Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya mendapati bahawa semua maklumat dalam surat tawaran universiti, terutamanya nama dan alamat surat-menyurat, adalah tepat.'** (854 responden /77%). Manakala jumlah responden yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (708 responden/ 64%);
- Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (42 responden/4%);
- Analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai **min yang tinggi (4.61)** berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **88%** menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM pada tiga (3) kemasukan iaitu Semester Kedua 2024/2025, Trimester Ketiga 2024/2025 dan Sesi Pertama 2025/2026 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN (RESPONDEN):

Antara cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu) :

1. Menambahbaik kaedah pemberian maklum balas terhadap pertanyaan dan prosedur berkaitan yang melibatkan pendaftaran pelajar baharu secara atas talian.
2. Baiki pepijat (bug) dalam sistem PutraENROLL, khususnya pada bahagian muat naik dokumen visa yang tidak menunjukkan status lengkap walaupun telah dimuat naik berkali-kali.
3. Pastikan sistem PutraENROLL boleh diakses sepenuhnya melalui telefon
4. Tingkatkan keselamatan sistem PutraENROLL, kerana muncul mesej amaran "dokumen tidak selamat" apabila dimuat turun, yang boleh menjejaskan keyakinan pengguna.
5. Naik taraf keselamatan laman web IGMIS dan PutraBLAST yang masih menggunakan HTTP dan tidak mempunyai proses pengesahan yang disulitkan (encrypted), sekali gus mendedahkan maklumat pelajar kepada risiko.
6. Tingkatkan kebolehaksesan laman pendaftaran dari luar negara, kerana pelajar antarabangsa mengalami kesukaran mengakses laman tanpa menggunakan VPN.
7. Mempercepat proses pengesahan di setiap seksyen dengan memberi keutamaan kepada permohonan yang telah lama dikemas kini oleh calon pelajar.



Laporan Soal Selidik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Penilaian Pengajaran Prasiswazah bagi Tempoh Januari Hingga Jun 2025, Sesi Akademik 2025/2025.



Tujuan

penilaian pengajaran yang dilaksanakan sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2025 melibatkan pelajar program Bacelor Semester Pertama dan program Diploma Semester Kedua Sesi 2024/2025.

Sasaran dan Kaedah Pengukuran

Sasaran 2025 = **80%**

Kaedah Pengukuran = **Peratusan pelajar mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS**

Responden

Program	Tarikh pelaksanaan Soal Selidik	Jumlah Responden
Diploma (Semester Kedua)	14 April hingga 8 Mei 2025	177 Pelajar
Bacelor (Semester Pertama)	02 Februari hingga 16 Februari 2025	520 Pelajar
Jumlah Keseluruhan		697 pelajar

RUMUSAN HASIL KAJIAN:


Secara keseluruhan, **81.77% (n=570)** pelajar memberikan penilaian antara **skor baik dan cemerlang (min 4.00 – 5.00)** terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM. Manakala **18.23% (n=127)** memberikan penilaian **<4.00** seperti di **Jadual dan Rajah**.



Jadual 2: Pencapaian tahap keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM

Bil	Julat skor (min)	Tahap pencapaian	Frekuensi		
			Bil.	Peratus	Peratus
1	<3.50	Tidak memuaskan	37	5.32	18.23
2	3.50 - 3.99	Sederhana	90	12.91	
3	4.00 - 4.49	Baik	348	49.92	81.77
4	4.50 - 5.00	Cemerlang	222	31.85	
		Jumlah	697		100.0

Rajah: Tahap Pencapaian



Rajah 1: Pencapaian keseluruhan tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran

<3.50 - Tidak memuaskan, 3.50 - 3.99 – Sederhana, 4.00 - 4.49 – Baik, 4.50 - 5.00 - Cemerlang

- Pencapaian mengikut item adalah pada tahap baik (julat min 4.11 - 4.36) dengan skor min keseluruhan item ialah 4.25 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 3: Pencapaian mengikut item

Item	Skor (Min)
1. Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan	4.27
2. Saya yakin terhadap integriti maklumat dalam Sistem Penilaian Pengajaran	4.11
3. Saya berpuas hati dengan ketersediaan Sistem Penilaian Pengajaran	4.36
Keseluruhan	4.25

<3.50 - Tidak memuaskan, 3.50 - 3.99 – Sederhana, 4.00 - 4.49 – Baik, 4.50 - 5.00 - Cemerlang

SYOR:

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti diminta mengambil maklum dan perhatian berhubung Laporan Soal Selidik/Maklum Balas Pihak Berkepentingan bagi Sistem Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2022 bagi tempoh Januari hingga Jun 2025.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan

Berilmu Berbakti

TERIMA KASIH